

Sindiket ambil bekalan dadah dari Thailand

BH
19/11/2017
mls 26



Asri (kanan) bersama pegawai menunjukkan dadah, wang tunai dan barang kemas bernilai hampir RM7.5 juta berjaya dirampas pada sidang media di IPK Kedah, semalam.

➔ Aktif edar sekitar Pulau Pinang, Kuala Lumpur sejak setahun lalu

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Polis mendedahkan sindiket pengedaran dadah yang dalangi tujuh anggotanya dan seorang awam menjadikan Thailand sebagai sumber memperoleh bekalan sejak lebih setahun lalu.

Ketua Polis Kedah, Datuk Asri Yusuff, berkata hasil risikan yang dibuat sejak setahun mendapati sindiket terbabit aktif melakukan pengedaran di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Katanya, penahanan membabitkan tiga anggota berpangkat rendah kontinjen Kedah manakala

empat lagi termasuk seorang berpangkat Asisten Superintendan (ASP) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman berjaya melumpuhkan sindiket terbabit.

"Sebanyak lima serbuan di sekitar Kedah dan Kuala Lumpur membabitkan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman bersama Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) merampas dadah bernilai RM6.7 juta serta wang tunai pelbagai mata wang, kenderaan dan barang kemas bernilai RM791,000.

"Syabu seberat 75 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM5.25 juta, 7.4kg heroin base dianggarkan bernilai RM740,000, 4,040 biji pil yaba dianggarkan bernilai RM80,800 dan 70 gram ketulan mampat disyaki ganja bernilai

Fakta nombor

RM6.7 JUTA

nilai rampasan dadah

RM791,000

NILAI

wang tunai pelbagai mata wang, kenderaan dan barang kemas dirampas

RM150," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Semalam, BH melaporkan seorang pegawai bersama lima anggota polis antara tujuh individu ditahan dengan pelbagai jenis dadah, termasuk 75kg syabu dalam beberapa serbuan berasingan.

Sitaan harta bernilai RM263,000 Kejayaan STING itu turut dikongsi Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menerusi akaun Twitternya, kelmarin.

Asri berkata, bagi sitaan harta pula, ia membabitkan pelbagai mata wang tunai, termasuk riyal Saudi, rupiah Indonesia, baht Thailand dan won Korea bernilai RM263,000.

"Yang turut disita tujuh buah

kenderaan, antaranya dua Mini Cooper, Toyota Vios, Subaru Impreza dan motosikal Ducati Monster bernilai keseluruhan RM485,000 selain pelbagai barang kemas dan seutas jam mewah bernilai RM43,000.

"Semua suspek kini ditahan reman selama seminggu sehingga Isnin depan mengikut Seksyen 38b Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Asri menafikan anggota STING antara yang ditahan dalam kes terbabit seperti disiarkan sebuah akhbar berbahasa Inggeris, semalam.

"Anggota STING hanya terbabit dalam serbuan itu, bukannya ditahan seperti dilaporkan," katanya.